



**MESKIPUN** menjawat jawatan ketua, Aida Abdul Hamid turut menyemai sikap keibuan ketika bertugas.

## Cabaran di Brickfields

UMUM mengetahui Kuala Lumpur merupakan kawasan yang pesat membangun dan seiring dengan itu, kawasan yang menjadi tumpuan utama di Malaysia ini turut mempamerkan peningkatan kadar jenayah.

Kejadian ragut dan samun harta benda sinonim dengan beberapa daerah di Kuala Lumpur tidak terkecuali Brickfields.

Menurut bekas mahasiswa Universiti Putra Malaysia (UPM) ini lagi, untuk menjadikan sebuah daerah sifar jenayah adalah sesuatu yang mustahil namun untuk menurunkan kadar jenayah, perkara itu tidak mustahil dilaksanakan.

Tambahnya, cabaran utama dalam usaha memerangi jenayah di Brickfields mahupun Lembah Klang adalah untuk memuaskan hati semua pihak.

“Era kini tidak sama dengan waktu dahulu kerana polis bukan sahaja berusaha untuk menurunkan kadar jenayah tetapi untuk memuaskan hati masyarakat. Mereka mahukan polis memberi lebih dari 100 peratus usaha dan setiap salah laku harus ditangani segera,” ujarinya.

Jelasnya, keadaan itu ditambah dengan cabaran semasa apabila ada pula pihak yang sentiasa memberi tanggapan negatif kepada polis. Malah keadaan itu bertambah genting

apabila Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) berlangsung baru-baru ini.

“Disebabkan Brickfields menjadi sebahagian kawasan tumpuan di Kuala Lumpur, banyak perhimpunan yang mencabar kuasa polis dilakukan di sini. Kawasan seperti Little India, Pantai Dalam, KL Sentral, Universiti Malaya, Istana Lama dan Istana Baharu menjadi kawasan paling berpotensi untuk diadakan perhimpunan sebegitu.

“Tugas polis adalah untuk menjaga keselamatan ramai pihak sama ada orang ramai di sekitar kawasan berkenan mahupun peserta perhimpunan terbabit. Kami sentiasa berusaha untuk memuaskan semua pihak seiring dengan undang-undang negara dan itu cabaran sebenar pada era baru ini,” jelasnya.

Mengulas tentang kerjasama orang awam dengan polis di daerah Brickfields, Aida memberitahu, masyarakat kini mulai sedar tentang perlunya mereka berkongsi usaha dan maklumat bersama polis dalam memerangi jenayah.

“Pada pandangan saya, kerjasama masyarakat dengan polis belum sepenuhnya iaitu lebih kurang 70 peratus saja,” katanya yang memberitahu sebahagian penduduk daerah ini terdiri daripada golongan elit seperti di Bangsar, Solaris dan Taman Tun Dr. Ismail.



**AIDA Abdul Hamid mahu pegawai dan anggota polis wanita bergerak setanding dengan polis lelaki.**